



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN SEMINAR KOPERASI PEKEBUN KECIL
(KPK)TAHUN 2017 DAN MESYUARAT AGUNG
KOPERASI PEKEBUN KECIL GETAH NASIONAL BHD (NARSCO)
KALI KE-33.**

**AUDITORIUM SULTAN AHMAD SHAH
IBU PEJABAT RISDA**

**18 JULAI 2017 (SELASA)
WAKTU KETIBAAN : 10.00 PAGI**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

YB Datuk Zahidi b. Zainul Abidin
Pengerusi RISDA

YBhg. Dato' Borhan bin Dollah
Ketua Setiausaha KKLW

YBhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA

YH. Dato Zamri bin Yaakob
Pengerusi NARSCO

Ahli-ahli Pihak Berkuasa RISDA,

Timbalan-timbalan Ketua Pengarah RISDA

Pengerusi Syarikat Milikan RISDA

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah RISDA Negeri,

Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA,

Pengerusi-Pengerusi dan Ahli Lembaga Koperasi,
Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian...
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Negaraku dan Salam 1 Malaysia

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis ini yang amat bermakna kepada semua ahli Koperasi Pekebun Kecil di bawah kelolaan RISDA. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak RISDA kerana telah mengaturkan majlis ini dan memberi peluang kepada saya untuk bertemu sekali lagi dengan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil dari seluruh Malaysia. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan khususnya peserta-peserta Seminar Koperasi Pekebun Kecil Tahun 2017 kerana dapat hadir ke majlis ini. Sesungguhnya kehadiran Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan membuktikan kesungguhan kita semua untuk membimbing dan

menyokong pergerakan koperasi supaya dapat mencapai kejayaan di peringkat yang lebih tinggi di masa akan datang. Saya difahamkan dalam majlis ini terdapat lebih 600 orang pekebun kecil yang merupakan ahli-ahli Koperasi Pekebun Kecil daripada seluruh negara.

2. Dasar Koperasi Negara 2011-2020 menyatakan Koperasi merupakan entiti yang akan dapat menyumbang kepada penjana ekonomi negara. Gerakannya perlu diberi penekanan kerana ia merupakan satu wahana ke arah pembentukan negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi. Cabaran kepada gerakan koperasi juga semakin meningkat. Namun begitu institusi koperasi telah diterima baik oleh rakyat di negara ini.

3. Koperasi Pekebun Kecil merupakan penggerak utama kepada usaha-usaha untuk melonjakkan kegiatan ekonomi bumiputera di luar bandar. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak RISDA kerana telah berjaya menyatukan pekebun kecil di bawah satu badan induk koperasi pekebun kecil iaitu NARSCO. Saya difahamkan di bawah NARSCO terdapat 63 buah koperasi dengan keahlian terkini seramai 146,955 orang dan saham terkumpul sebanyak RM 46.73 juta. Sumber modal ini boleh dijana dan dikembangkan untuk memperoleh keuntungan. Ahli-ahli juga seterusnya akan mendapat penambahan pendapatan melalui bayaran dividen tahunan, harga diskaun ke atas belian barangan dan perkhidmatan, bayaran rebat atau mendapat sumbangan dan pembiayaan daripada pihak koperasi melalui tabung dermasiswa, tabung kebajikan dan lain-lain yang diperolehi daripada keuntungan urusan koperasi.

4. Dato-dato, tuan-tuan dan puan-puan selaku Ahli Lembaga Koperasi juga perlu memainkan peranan untuk menggalakkan ahli-ahli di kawasan supaya dapat bersama-sama membeli baja dan input pertanian di kedai koperasi. Mereka juga perlu terus menyokong urusan koperasi supaya koperasi terus maju serta mampu berdaya saing dengan pembekal yang lebih besar. Contohnya seperti usaha pemasaran getah dan sawit secara berkelompok, menguruskan pengeluaran hasil ladang yang bermutu supaya boleh dijual dengan harga yang lebih tinggi, pemasaran produk asas tani, pemasaran dan pengedaran hasil usaha ahli-ahli koperasi dan lain-lain. Selain daripada memperkenalkan sumber pendapatan yang baru, usaha ini juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan luar bandar serta mengelakkan penghijrahan generasi muda ke bandar.

Dato-dato, Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. YAB Perdana Menteri yang kita kasihi telah melancarkan Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputra 2.0 pada 20 April 2017 yang lalu dengan tiga objektif utama iaitu:

I Penciptaan kekayaan

- II Penyertaan syarikat bumiputra dalam sektor bernilai tambah tinggi, dan
- III Mempercepatkan pertumbuhan syarikat bumiputra

Objektif program ini perlu dihayati oleh pihak pengurusan dan Ahli Lembaga Pengarah Koperasi Pekebun Kecil supaya agenda ekonomi bumiputra di kawasan luar bandar dapat dimantapkan dengan lebih cepat. Lima (5) teras utama dalam agenda pemerikasaan ekonomi bumiputra juga perlu difahami supaya tindakan yang tepat dan betul dapat dibuat untuk mencapai tujuan pelaksanaannya. Lima (5) teras yang tersebut adalah :

- I Melonjakkan skala bumiputra
- II Memperkasakan modal insan bumiputra
- III Meningkatkan daya saing bumiputra
- IV Mendaya mobiliti bumiputra, dan
- V Transformasi Kesejahteraan Bumiputra (TKB) secara tuntas dan holistik

6. Dibawah Teras pertama (1) iaitu **melonjakkan skala bumiputra**, pihak kerajaan telah menyediakan laluan yang jelas dari peringkat permulaan hingga ke peringkat multinasional. Ertinya bagi setiap peringkat perniagaan, kerajaan telah menyediakan pelbagai kemudahan sebagai pemangkin untuk sesebuah perniagaan itu meningkat maju ke fasa yang selanjutnya. Misalnya perniagaan koperasi mempunyai potensi untuk meningkat dari tahap mikro kepada tahap PKS (Perusahaan Kecil Sederhana) dan seterusnya menjadi syarikat besar yang mampu menjana pendapatan lumayan dan memberikan perkhidmatan serta dividen yang tinggi kepada ahli. Sebenarnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memainkan peranan besar sebagai ejen ekonomi dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Input daripada usahawan PKS dan usahawan tekno adalah penting kerana mewakili 36 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar. Tidak mustahil pada satu ketika nanti ada koperasi pekebun kecil yang mampu disenaraikan di Bursa Saham dan berkebolehan untuk mengeksport produk ke luar negara. Peluang ini juga perlu direbut oleh usahawan pekebun kecil yang menganggotai koperasi.

7. Ahli cerdik pandai pernah menyebut bahawa, meski dunia ini dipenuhi dengan persaingan, namun bagi mereka yang bijaksana akan pantas menyerlahkan potensi diri, sentiasa optimis menghadapi segala rintangan dengan penuh daya, sehingga mampu mencapai kejayaan. Justeru saya ingin melihat munculnya ahli-ahli koperasi yang merupakan masyarakat pekebun kecil di luar bandar yang dapat sama-sama berkongsi setiap daripada detik kemajuan negara yang diperjuangkan oleh pemimpin negara kita.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

8. Kemelesetan ekonomi dunia sekitar tahun 1997 memberi impak yang besar kepada urusan NARSCO apabila kebanyakan anak syarikat terpaksa ditutup akibat mengalami kerugian yang berterusan.. Pada tahun lepas saya telah mengumumkan kelulusan bantuan pengurusan kepada NARSCO sebanyak RM 1 juta. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak NARSCO kerana telah dapat menggunakan bantuan yang tersebut untuk memantapkan urusan serta menjana keuntungan . Pihak NARSCO juga telah berjaya mendapat kepercayaan daripada RISDA untuk melaksanakan kontrak bekalan kimia kepada pekebun kecil disamping kontrak-kontrak yang lain daripada RISDA dan Syarikat Milikan RISDA. Saya harap pihak RISDA dan Syarikat Milikan RISDA akan terus menyokong dan memberi peluang kepada NARSCO untuk menjadi koperasi yang mempunyai daya saing yang tinggi serta kukuh demi kepentingan pekebun kecil yang menganggotainya.

9. Di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada NARSCO Berhad sebagai sebuah entiti yang telah berjaya meningkatkan keuntungan bersih operasi dari RM169,164 pada akaun tahun 2015 kepada RM1.382 juta pada akaun berakhir 31 Disember 2016. Manakala keuntungan bersih kumpulan NARSCO yang merangkumi semua KPK yang bernaung di bawahnya juga telah meningkat dari RM 170,030 sahaja pada tahun 2015 kepada RM 19.673 juta pada akaun berakhir 31 Disember 2016, iaitu satu kenaikan yang sangat memberangsangkan.

10. Selaras dengan keuntungan tersebut , saya ingin mengumumkan Ahli Lembaga Pengarah NARSCO telah bersetuju memperuntukkan bayaran dividen sebanyak 5% bernilai RM 80,160 kepada ahli koperasi. Bayaran akan dijelaskan setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia . NARSCO juga telah bersetuju untuk memperuntukkan bayaran rebat sebanyak RM 100,000 kepada Koperasi Pekebun Kecil (KPK) yang berkaitan.

11. Setinggi tahniah saya ucapkan kepada barisan Ahli Lembaga Pengarah NARSCO yang telah berjaya mengharungi cabaran yang getir sejak sekian lama. Saya doakan keuntungan NARSCO dan semua Koperasi Pekebun Kecil terus bertambah baik dari masa ke semasa. Saya juga mengucapkan tahniah kepada NARSCO dan koperasi yang telah menyahut saranan saya untuk mengadakan jalinan perniagaan strategik samada sesama koperasi , Syarikat Milikan RISDA mahupun pihak luar untuk menjana pendapatan. Hubungan kerjasama ini akan dimeteraikan melalui tanda tangan MOU sebentar lagi di antara:

I NARSCO dan FELCRA Travel

II NARSCO dan UCAM (University College Agroscience Malaysia)

III NARSCO dan SAS Plastic

12. Saya juga mengucapkan tahniah kepada koperasi pekebun kecil yang telah berjaya dipilih untuk menerima Anugerah Koperasi Terbaik RISDA Tahun

2016 kerana berada dalam kelompok 100 koperasi terbaik Malaysia seperti yang disenaraikan oleh SKM.. Koperasi tersebut adalah :

- | | | |
|-----|---------------------------------------------------|--------|
| I | Koperasi Gabungan Perak Berhad | |
| | 40/100 | |
| II | Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat Berhad | 70/100 |
| III | Koperasi Pekebun Kecil Daerah Pekan Berhad | 91/100 |
| IV | Koperasi Pekebun Kecil Daerah Larut Matang Berhad | 96/100 |

13. Akhir kata melalui doa dan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim merasmikan Seminar Koperasi Pekebun Kecil (KPK) Tahun 2017 dan Mesyuarat Agung Koperasi Pekebun Kecil Getah Nasional Bhd (NARSCO) kali ke-33.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Terima Kasih.